

Kor Suksis diberi keutamaan dalam pengambilan inspektor polis

UB 19.4.17 A5

KOTA KINABALU: Keutamaan pengambilan inspektor polis akan diberikan kepada pelatih Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) berdasarkan kemahiran yang diperolehi.

Ketua Polis Negara Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata, Suksis lebih berkualiti dan lebih menghayati aspirasi Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam menghadapi cabaran-cabaran masa kini dan pada masa hadapan.

"Kita akan mengadakan satu program khas untuk merekrut calon-calon inspektor dalam kalangan warga Suksis ini.

"Ia telah kita laksanakan sekali dan didapati berjaya, oleh itu kita akan meneruskan program khas berkenaan," katanya ketika merasmikan Bangunan Suksis UMS di sini, pada Isnin.

Khalid turut mengucapkan syabas dan tahniah kepada UMS atas pembinaan bangunan Suksis yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan untuk keperluan para pelatih Suksis.

Terdahulu, Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr.



KHALID menandatangani plak sebagai satu lagi simbolik perasmian bangunan Suksis UMS. Turut kelihatan Ramli.

Mohd. Harun Abdullah dalam ucapannya berkata, penubuhan Kor Suksis pada 9 Julai 2004 antara lain bertujuan sebagai sebuah badan yang menjalankan aktiviti kepolisan, memperkenalkan profesion kepolisan yang menjanjikan kerjaya menarik dan mencabar di samping memberikan pendedahan berkenaan bidang undang-undang dan penguatkuasaan.

"Selain itu, ia bagi

menerapkan nilai disiplin kepolisan yang tinggi, mewujudkan kesedaran sivik dan sikap tanggungjawab terhadap agama, bangsa, dan negara serta membentuk kekuatan fizikal dan mental, sekali gus personaliti yang cemerlang," katanya.

Hadir sama Pesuruhjaya Polis Sabah Datuk Ramli Din dan Pegawai-pegawai Utama UMS. Sehingga kini, seramai 650 pelatih Kor Suksis UMS telah ditauliahkan.